



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

CONFERENCE PROCEEDING

ICITSBE 2012

**1ST INTERNATIONAL CONFERENCE ON INNOVATION
AND TECHNOLOGY FOR
SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT**

16 -17 April 2012



Organized by:
Office of Research and Industrial
Community And Alumni Networking
Universiti Teknologi MARA (Perak) Malaysia
www.perak.uitm.edu.my

PAPER CODE: CT 27

FAKTOR – FAKTOR KEJAYAAN e-PEROLEHAN: KAJIAN LITERATUR

Norfashiha Hashim¹ dan Ilias Said²

¹Faculty of Architecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
norfashiha@salam.uitm.edu.my

² Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan Dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, ilias@usm.my

Abstrak

Perkembangan internet telah mengubah bagaimana firma – firma beroperasi dalam pasaran yang kompetitif. Aktiviti perolehan berasaskan elektronik dilihat mampu meningkatkan kecekapan proses perolehan sekaligus akan meningkatkan prestasi firma. Berdasarkan kajian literatur dan analisis kritikal berkaitan e-Perolehan, faktor – faktor kejayaan bagi pelaksanaan e-Perolehan dikenalpasti secara sistematik dan tujuh faktor utama yang dikenalpasti dan dibahagikan kepada tiga dimensi utama bagi pembentukan model kejayaan pelaksanaan e-Perolehan dalam firma pembinaan.

Kata Kunci: e-Perolehan, Faktor – Faktor Kejayaan, Pelaksanaan.

Abstract

The advent of the internet has inevitably changed the ways firms operate particularly in a competitive market. A firm's performance will be enhanced due to various activities which increase gains through electronic means. Based on the literature reviews and critical analysis of e-Perolehan, the researchers have systematically identified factors which contribute to the success of this electronic system. All seven main factors are identified and divided into three main dimensions in order to develop successful model of achievement in the implementation of e-Perolehan in the construction firms.

Keywords: e-Perolehan, Success factors, Implementation

1. Pengenalan

Kajian mengenai e-Perolehan secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua perspektif iaitu sektor awam dan sektor swasta. Sektor awam secara am dilihat menggunakan e-Perolehan dengan matlamat untuk mempercepatkan proses, manakala sektor swasta lebih bermatlamatkan keuntungan dan juga menjadi pendahulu dalam pelaksanaan sesebuah inovasi. e-Perolehan boleh didefinisikan sebagai aktiviti pencarian, penetapan kontrak, dan pembelian secara elektronik.

Kajian mengenai kejayaan pelaksanaan e-Perolehan telah mula diperkatakan bermula daripada perkembangan sistem EDI (Electronic Data Interchange) pada pertengahan 1990-an. Kesan daripada perkembangan internet telah mewujudkan satu bentuk perkongsian secara elektronik di mana ianya menawarkan alternatif kepada EDI. EDI dikatakan kurang diterima terutamanya di kalangan firma – firma kecil dan sederhana disebabkan oleh faktor kos permulaan yang tinggi. Walaupun ianya menawarkan faedah dan nilai yang baik kepada firma, faktor kos pembangunan dan penyelenggaraan sistem yang tinggi menyebabkan kurangnya penerimaan sistem ini di kalangan firma. Perkembangan internet dilihat telah menawarkan konsep e-Perolehan samada secara formal (sistem berasaskan internet i.e. web ERP, e-Procurement) atau tidak formal (email).

Secara umumnya kajian – kajian empirikal di Malaysia mendapati firma – firma masih belum lagi menyedari potensi yang ditawarkan oleh e-Perolehan kepada firma (Adham & Ahmad, 2005). Ianya dikesan sebagai halangan utama kepada penggunaan dan pelaksanaan e-Perolehan. Menurut Ramasamy (2010), firma – firma di Malaysia lebih suka menjadi pengikut daripada perintis kepada e-Perolehan kerana khuatir faedah yang diperolehi tidak menyamai jumlah pelaburan yang dibuat. Beberapa kajian empirikal yang dilakukan di Malaysia juga menunjukkan penggunaan e-Perolehan adalah terhad dan rendah merentasi jenis industri dan saiz firma (Alam & Ahsan, 2007; Mansor & Abidin, 2010; Tan, Chong, Lin, & Eze, 2009).

Kajian – kajian di luar konteks Malaysia juga menunjukkan firma – firma keberatan untuk membuat pelaburan ke atas teknologi maklumat kerana tidak menjamin sesebuah firma menerima faedah atau nilai yang optimum seperti yang ditawarkan. Ianya memerlukan firma menggabungkan bukan sahaja faktor – faktor teknikal tetapi juga faktor – faktor bukan teknikal untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya (Chong, Shafaghi, & Tan, 2011; Esichaikul & Chavananon, 2001; Marquart, 2001; Xuan, 2007). Chang, Wang, & Chiu (2008) juga menyatakan gabungan antara sistem e-Perolehan dan persekitaran perniagaan akan menjadi penggalak kepada prestasi firma. Gabungan persekitaran perniagaan dalaman dan luaran juga dilihat akan membantu mencapai nilai yang optimum hasil dari pelaksanaan sistem e-Perolehan (Brynjolfsson, 2003).

Keperluan untuk mengkaji faktor – faktor kejayaan pelaksanaan spesifik di dalam industri adalah perlu. Ini kerana pelaksanaan e-Perolehan dalam firma dipengaruhi oleh ciri – ciri unik setiap industri (Fillis & Wagner, 2005). Xue, Shen, Fan, Li, & Fan (2011) juga menyatakan kajian – kajian mengenai sistem maklumat dalam industri pembinaan banyak memberi fokus kepada pembangunan dan teknologi yang sesuai dibangunkan tetapi tidak mengambil kira aspek – aspek pelaksanaan di mana ianya memainkan peranan yang kritikal di dalam kejayaan pembangunan dan pelaksanaan sistem maklumat. Kertas kajian ini akan melihat faktor – faktor kritikal kejayaan pelaksanaan e-Perolehan daripada kajian – kajian lepas dan mengenalpasti kesesuaiannya dengan industri pembinaan.

2. Faktor – Faktor Kejayaan

Faktor – faktor kejayaan secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu faktor – faktor yang mempengaruhi dan juga faktor – faktor kritikal kejayaan. Konsep faktor – faktor kritikal kejayaan dan faktor – faktor kejayaan ini telah banyak dibincangkan mengenai perbezaannya terutamanya didalam disiplin pembangunan projek teknologi maklumat.

Menurut Wateridge (1995) kriteria kejayaan atau faktor – faktor kritikal adalah berkaitan dengan pengguna dan penaung projek dimana kriteria kejayaan adalah kumpulan piawaian yang digunakan untuk menentukan kejayaan projek pembangunan (Lim and Mohamed 1999). Ianya juga dilihat sebagai penanda aras kepada pengukuran sesebuah kejayaan pelaksanaan atau pembangunan projek (Cooke-Davis 2002). Secara umumnya, faktor – faktor kritikal ini melihat ruang – ruang penting yang perlu dicapai bagi memastikan kejayaannya.

Konsep faktor – faktor kritikal ini diperkenalkan oleh John R. Commons pada tahun 1934. Penulis mencadangkan konsep “faktor terhad”. Terma ini diubahsuai oleh Daniel (1969) dimana penulis menyatakan terdapat beberapa faktor kritikal kejayaan bagi meningkatkan prestasi firma. Secara umumnya, faktor – faktor kritikal yang dikenalpasti tidak melebihi dari tujuh faktor utama. Rockart (1971) mendefinisikan faktor – faktor kritikal kejayaan adalah beberapa bahagian kritikal didalam aktiviti yang perlu diambil perhatian bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh firma. Diantara kelebihan penentuan faktor – faktor kritikal kejayaan ini adalah mudah difahami serta membantu eksekutif untuk memberi fokus kepada faktor – faktor yang kritikal untuk kejayaan pelaksanaan.

Faktor – faktor kejayaan pula boleh didefinisikan sebagai elemen – elemen yang diperlukan untuk memenuhi kriteria kejayaan. Ia juga dilihat sebagai sejumlah keadaan, fakta atau pengaruh yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan (Lim dan Mohamed 1999). Menurut Lim dan Mohamed (1999) lagi, faktor – faktor kejayaan adalah bentuk tekanan yang memberi pengaruh kepada kejayaan. Cooke-Davies (2002) pula merujuk faktor – faktor kejayaan sebagai input kepada pengurusan dan sistem yang akan membawa kepada kejayaan pembangunan sistem.

Larsen (1999) menyatakan faktor – faktor yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan teknologi maklumat secara umumnya boleh dikategorikan kedalam beberapa faktor yang utama iaitu teknologi, organisasi, pengguna dan persekitaran. Faktor – faktor ini dilihat mampu memberi kesan dan tekanan kepada prestasi keseluruhan sistem.

3. Metodologi Kajian – Kompilasi Faktor – Faktor Kejayaan

Menggunakan pendekatan analisis konseptual, kajian literatur secara komprehensif telah digunakan bagi mengenalpasti sumber – sumber berkaitan dengan faktor – faktor kejayaan. Artikel – artikel yang mengandungi sumber – sumber faktor – faktor kritikal kejayaan kemudiannya dianalisis dengan lebih teliti bagi tujuan pengumpulan dan kod pembangunan konstruk yang digunakan bagi kajian – kajian lepas. Peringkat ini melibatkan perbezaan dan penggabungan data yang diperolehi (Miles dan Huberman 1994). Penekanan diberikan kepada maksud perkataan berbanding perkataan itu sendiri. Setelah itu, faktor – faktor ini akan dikumpulkan dengan maksud yang hampir sama. Pendekatan ini juga dikenali sebagai “*inductive coding technique*”.

Analisis kandungan digunakan didalam mengenalpasti katakunci “faktor – faktor kejayaan” oleh kerana tujuan artikel adalah untuk memahami kepelbagaian faktor – faktor kritikal kejayaan daripada penulisan –

penulisan sebelum ini. Silverman (2000) juga menyatakan analisis kandungan merupakan teknik yang seringkali digunakan didalam menganalisis kandungan teks. Walaubagaimanapun, analisis kandungan ini juga tertakluk kepada teknik pengkodan definisi konstruk setiap faktor yang dikenalpasti.

4. Analisis Literatur

Kajian - kajian literatur yang lepas telah menunjukkan, terdapat sedikit kajian yang dilakukan mengenai faktor – faktor kejayaan pelaksanaan e-Perolehan di negara – negara membangun serta spesifik kepada industri. Kajian emperikal yang dilakukan di Malaysia juga didapati terhad kepada penerimaan dan pelaksanaan sistem e-Perolehan disektor awam. Kebanyakkan model faktor – faktor kejayaan memberi tumpuan kepada penerimaan sistem tanpa mengambil kira faktor pelaksanaan sesebuah sistem itu (berdasarkan teori Rogers (2003) menyatakan penerimaan dan penggunaan tidak seharusnya dianggap akan dilaksanakan secara berterusan). Kajian – kajian sebelum ini juga melihat faktor – faktor kejayaan terhadap pelaksanaan tanpa mengambil kira faktor – faktor yang memberi kesan kepada kejayaan dari segi impaknya terhadap prestasi firma.

Beberapa kajian emperikal lepas menunjukkan kepelbagaian faktor – faktor yang mempengaruhi pelaksanaan e-Perolehan. Kajian yang dilakukan oleh Angeles dan Nath (2007) menyatakan infrastruktur sistem, strategi pelaksanaan dan kesediaan pembekal dilihat mempengaruhi kejayaan pelaksanaan e-Perolehan. Sebahagian pengkaji pula mendapati sokongan pengurusan atasan, penerimaan pengguna dan pekerja terhadap sistem serta penerimaan industri adalah cabaran yang perlu diatasi didalam pelaksanaan sistem ini (Chong dan Tan, 2011; Vaidya et al, 2006; Cullen dan Taylor, 2009). Selain itu, faktor – faktor seperti kemahiran dan pengetahuan pekerja dan pembekal keatas sistem yang dilaksanakan dilihat kritikal didalam pelaksanaan e-Perolehan. Jadual 1 dibawah menunjukkan artikel - artikel yang terkini menjelaskan faktor – faktor kejayaan sistem e-Perolehan.

Jadual 1: Analisis Literatur Kajian – Kajian Lepas


Faktor/Penulis	Vaidya et al (2006)	Angeles & Nath (2007)	Pushman et al (2005)	Gunasekaran et al (2009)	Cullen & Taylor (2009)	Chong & Tan (2011)	Chen (2010)	Fairchild et al (2004)	Lee & Kim (2007)	Liu et al (2006)
<i>Sokongan Pengurusan Atasan</i>	x			x	x	x			x	x
<i>Penerimaan dan penglibatan pengguna</i>	x	x		x	x					x
<i>Pengurusan Projek</i>	x		x							x
<i>Pengurusan Perubahan</i>	x		x	x						
<i>Penyesuaian semula proses</i>	x	x	x	x				x	x	x
<i>Pengukuran Prestasi</i>	x		x	x						
<i>Strategi Pelaksanaan Sistem</i>	x	x	x	x	x		x			
<i>Kepakaran dan Pengetahuan</i>				x					x	
<i>Integrasi teknologi</i>	x	x	x		x	x	x			x
<i>Penggunaan Prototaip</i>				x	x					
<i>Kualiti Maklumat</i>					x	x		x		
<i>Infrastruktur</i>						x	x		x	x
<i>Kompleksiti</i>									x	
<i>Kelebihan relatif</i>									x	
<i>Penggunaan oleh pembekal</i>	x	x								
<i>Kebergantungan pembekal/ Hubungan sedia ada</i>		x	x	x	x	x	x	x		x
<i>Tekanan Pasaran</i>						x				
<i>Komitmen Kerajaan</i>						x				
<i>Budaya</i>						x				
<i>Kepercayaan dan sekuriti</i>	x				x	x		x	x	
<i>Kepastian dan empati</i>					x					
<i>Kebolehfungsian</i>								x		
<i>Neutraliti</i>								x		
<i>Pengurusan katalog</i>	x	x	x							
Sokongan teori							OT*		DOI*	

*DOI – diffusion of innovation, OT – organizational theory

5. Cadangan Taksonomi Faktor – Faktor Kejayaan Pelaksanaan E-Perolehan

Kajian - kajian literatur yang lepas juga menunjukkan sesetengah model memberi fokus kepada satu – satu faktor sahaja seperti faktor teknologi, faktor organisasi, faktor integrasi dan sebagainya. Terdapat keperluan untuk menggabungkan faktor – faktor ini didalam satu model kerana terdapat perkaitan yang kuat diantara faktor – faktor ini yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan e-Perolehan. Selain itu, faktor – faktor persekitaran industri kurang diambil kira didalam faktor – faktor yang menyumbang kepada pelaksanaan e-Pasaran (Larsen, 2002).

Beraskan model teknologi-organisasi-persekitaran yang diperkenalkan oleh Tornatzky & Fleischer (1990), faktor – faktor yang dikemukakan sebelum ini dikumpulkan didalam beberapa konteks iaitu konteks organisasi, konteks persekitaran industri dan konteks teknologi. Keempat – empat konteks ini saling berkaitan dan dilihat mampu menyumbang kepada pelaksanaan dan survival e-Perolehan.



Rajah 1: Taksonomi Faktor – Faktor Kejayaan Pelaksanaan

5.1 *Infrastruktur Teknologi*

Infrastruktur teknologi maklumat dilihat sebagai sumber utama kepada pembentukan nilai sesebuah sistem. Ini dilihat dari sudut keupayaan sistem berfungsi serta berintegrasi memberi impak kepada penghasilan nilai. Beberapa penulis melihat, sistem yang mempunyai kadar integrasi yang tinggi akan memberi nilai kepada firma yang lebih tinggi (Lee & Kim, 2007; Ramlah, Nor Shahriza Abdul, & Mohd Hasan, 2007). Infrastruktur teknologi maklumat ini dirujuk sebagai inovasi dan sofistikated sistem maklumat, integrasi sistem maklumat serta struktur sistem maklumat. Tahap inovasi dan kematangan sistem maklumat didapati firma mampu untuk mengeluarkan perancangan ke atas sistem maklumat dengan lebih berkualiti. Keupayaan sistem maklumat untuk berintegrasi diantara unit – unit lain di dalam firma dilihat memberi peningkatan secara signifikan terhadap proses perniagaan (Ramlah et al., 2007). Struktur sistem maklumat samaada secara berasingan atau berpusat dilihat mempengaruhi kadar kecekapan sesuatu unit berfungsi. Struktur maklumat berpusat dilihat memberi kesan kepada kecakapan sesebuah proses dimana data dari unit – unit yang disimpan dalam satu unit berpusat. Keupayaan membuat keputusan dengan lebih baik juga dilihat sebagai kesan daripada struktur sistem maklumat yang baik.

5.2 *Sokongan Pengurusan Atasan*

Sokongan dari pihak atasan merupakan kunci utama kepada mana – mana pelaksanaan ke atas sistem yang baru. Ianya dilihat sebagai agen kepada perubahan di dalam proses pengurusan dan juga proses pengoperasian. Ianya juga dikenalpasti sebagai faktor kritikal yang paling utama kepada kejayaan pelaksanaan sesebuah sistem maklumat (Young & Jordan, 2008). Pengurusan atasan dilihat memainkan peranan di dalam pembangunan strategi, visi, inisiatif, sokongan dan komitmen untuk menjadikan satu persekitaran yang positif untuk inovasi. Iven dan Olson (1984) juga menyatakan pengenalan terhadap sistem baru tidak akan berjaya tanpa sokongan dari pihak atasan. Melihat kepada kajian – kajian lepas yang menyatakan sokongan pihak atasan adalah paling kritikal untuk mengukur kejayaan pelaksanaan, pengurusan atasan dianggap memainkan peranan yang kritikal untuk membekalkan sebarang sumber untuk memastikan inovasi itu berkembang (Lee & Kim, 2007; Young & Jordan, 2008). Sokongan yang aktif hendaklah ditunjukkan kepada semua peringkat di dalam pengurusan untuk memberikan keyakinan pekerja di dalam menjayakan sesebuah inovasi.

5.3 *Kompetensi*

Kejayaan pelaksanaan sistem maklumat dipengaruhi oleh keupayaan firma untuk memperoleh dan menggunakan pengetahuan di dalam serta diluar firma. Menurut Cragg, Caldeira, and Ward (2011) firma terutamanya bersaiz kecil dan sederhana mempunyai kemahiran teknologi maklumat yang rendah berbanding dengan firma yang besar. Ini kerana firma berskala besar mempunyai bahagian/jabatan sistem maklumat yang spesifik. Maka, kelebihan terhadap pengetahuan serta kemahiran ke atas sistem maklumat di dalam firma – firma kecil dan sederhana dianggap sebagai sumber kepada kelebihan persaingan. Selain teknologi, pengetahuan dan proses pengurusan juga merupakan sumber kepada kelebihan persaingan.

Keupayaan pihak pengurusan adalah kunci kepada pengurusan sumber manusia di dalam firma. Keupayaan disini merujuk kepada tahap pengetahuan dan kemahiran pengurus dan pekerja yang menggunakan sistem e-Perniagaan. Keupayaan pihak pengurusan dilihat membantu meningkatkan keupayaan firma untuk memaksimumkan sumber sedia ada terhadap pelaksanaan sesuatu inovasi yang baru diperkenalkan. Menurut Melville et al (2004) kekurangan kepakaran dari segi teknikal adalah halangan kepada perkembangan dan pembangunan teknologi maklumat. Kepakaran ini diperlukan untuk mewujudkan keupayaan menggunakan internet seperti “front – office customer service and back – office systems integration” yang mana menentukan kejayaan pelaksanaan e-Perolehan di dalam firma (Zhu, Kraemer, Xu, & Jason, 2004). Maka, untuk mendapatkan faedah daripada pelaksanaan dan penggunaan sistem e-Perniagaan ini, ianya sangatlah bergantung dengan tahap kepakaran pengguna dan pengurus. Oleh itu, firma yang mempunyai sumber kepakaran teknikal yang tinggi dapat memahami aspek teknikal e-Perolehan dan mendapat faedah daripada perlaksanaannya berbanding firma yang mempunyai kurang sumber kepakaran.

5.4 *Strategi Pelaksanaan*

Strategi pelaksanaan sistem dilihat dari aspek penjajaran yang dilakukan diantara sistem dengan proses perniagaan. Ini melibatkan perubahan kepada proses di dalam firma. Perubahan proses perolehan yang minimum dilihat mempengaruhi penerimaan rakan dagangan di dalam menggunakan sistem. Beberapa penulis menyatakan perubahan proses yang drastik akan melambatkan proses pelaksanaan serta penerimaan pengguna ke atas sistem. Penjajaran sistem maklumat dengan proses perniagaan dilihat boleh meningkatkan potensi kelebihan persaingan. Ini kerana penjajaran ini dilihat membantu kepada pembentukan keupayaan firma sekaligus memberikan nilai kelebihan persaingan. Penjajaran ke atas sistem maklumat dengan proses perniagaan ini melibatkan penilaian proses dan struktur semasa dan melihat keupayaan sistem untuk meningkatkan prestasi proses sedia ada dan menajarkan proses dengan keupayaan sistem tersebut. Pengkaji – pengkaji lepas seperti Teo et al (2006); Kearns (2005) dan Chao (2005) menyatakan kegagalan firma untuk menajarkan sistem dengan proses sedia ada akan menyukarkan pelaksanaan sistem sekaligus menjejaskan prestasi sistem. Barua et al (2004) juga menyatakan penjajaran proses memberi kesan kepada prestasi firma. Strategi pelaksanaan e-Perolehan seperti penjajaran semula proses di dalam firma terutamanya proses perolehan dilihat mempengaruhi kejayaan pelaksanaan sistem e-Perolehan.

5.5 *Komitmen Pembekal*

Komitmen rakan dagangan dilihat akan mempengaruhi kadar kejayaan pelaksanaan e-Perolehan. Komitmen terhadap penggunaan platform internet ini dilihat akan memberi kesan kepada komunikasi dan koordinasi diantara rakan dagangan dan firma utama. Maka, boleh dianggap komitmen rakan dagangan mempengaruhi pelaksanaan e-Perniagaan (Lina & Lin, 2008). Komitmen rakan dagangan ini merujuk kepada kesedaran firma terhadap penglibatannya di dalam sistem yang bakal dilaksanakan, keperluan sumber manusia dan teknologi yang bakal digunakan dan juga masa yang bakal digunakan untuk pelaksanaan sistem tersebut. Ini adalah perlu bagi memastikan rakan dagangan dapat memahami dan melibatkan diri bagi mencapai matlamat organisasi dimana rakan dagangan perlu bersedia menyediakan keperluan dalaman organisasi bagi menyokong firma fokal. Keupayaan firma rakan dagangan menyediakan sumber – sumber dalaman firma bagi menghadapi perubahan di dalam hubungan perniagaan secara signifikan juga dilihat mempengaruhi penggunaan e-Perolehan (Kassim & Hussin, 2010). Ini boleh dilihat dengan komitmen serta kepercayaan yang diberikan terhadap pelaksanaan sistem ini.

5.6 *Persaingan Industri*

Tahap persaingan di dalam industri dilihat mempunyai pertalian yang kuat terhadap keputusan untuk melaksanakan sesuatu inovasi (Gatignon dan Robertson 1989; Utterback 1974). Persaingan disini merujuk kepada tahap firma terkesan akibat dari persaingan di dalam pasaran (Zhu et al., 2004). Porter dan Millar (1985) menganalisis rasional diantara hubungan tahap persaingan dengan inovasi teknologi maklumat dimana penulis mencadangkan dengan melaksanakan teknologi maklumat, firma mungkin dapat mengubah bentuk persaingan,

memberi kesan kepada struktur industri serta mengubah persekitaran persaingan. Oleh itu, firma yang menghadapi persaingan yang sengit di dalam pasaran akan lebih menggunakan teknologi maklumat untuk memperoleh nilai kepada perniagaan. Hasil kajian oleh Neirotti & Paolucci (2011) mendapati firma yang mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat memperoleh keuntungan yang lebih tinggi apabila kadar penggunaan teknologi maklumat yang rendah dikalangan pesaing di dalam pasaran.

6. Rumusan

Kajian ini melihat faktor – faktor kritikal kejayaan e-Perolehan daripada kajian – kajian lepas telah dikenalpasti. Faktor – faktor ini dikumpulkan dan disusun mengikut kepentingan berdasarkan kajian - kajian emperikal yang dibuat sebelum ini. Walaubagaimanapun, atribut – atribut kepada faktor – faktor kritikal kejayaan e-Perolehan adalah secara umum dan ianya tidak terhad kepada sistem e-Perolehan itu sendiri. Penggunaan metodologi kajian seperti temuramah dan kajian kes dilihat mampu menjelaskan dengan lebih teliti mengenai faktor – faktor kritikal ini. Selain itu, faktor – faktor kritikal ini tidak disokong oleh teori. Teori – teori pengurusan dilihat mampu menjelaskan tentang kegagalan sesebuah sistem yang dilaksanakan. Pengenalpastian faktor –faktor kritikal kejayaan secara umum tidak menjamin sesuatu pelaksanaan sistem itu dapat berjalan dengan lancar. Maka penggunaan teori – teori yang dibangunkan sebelum ini dapat menjelaskan perkara – perkara yang mungkin akan menjejaskan pelaksanaan sistem. Interpretasi faktor – faktor kritikal kejayaan juga adalah berbeza – berza mengikut pengguna. Maka, kajian – kajian seterusnya haruslah mengenalpasti unit analisis yang tepat bagi mendapatkan atribut kritikal yang lebih tepat. Kajian seterusnya akan melihat faktor – faktor kritikal kejayaan yang disokong oleh teori – teori pengurusan.

Rujukan

- Adham, K. A., & Ahmad, M. (2005). Adoption of web site and e-commerce technology among Malaysian public companies. [Research Paper]. *Industrial Management & Data Systems*, 105 (9), 1172-1187. doi: DOI 10.1108/02635570510633248
- Alam, S. S., & Ahsan, N. (2007). ICT Adoption in Malaysian SMEs from Services Sectors: Preliminary Findings [Feature]. *Journal of Internet Banking and Commerce*, 12(3).
- Brynjolfsson, E. L. M. (2003). Computing Productivity: Firm - Level Evidence. [Article]. *Review of Economics & Statistics*, 85(4), 793-808.
- Chang, H.-L., Wang, K., & Chiu, I. (2008). Business–IT fit in e-procurement systems: evidence from high-technology firms in China. *Information Systems Journal*, 18(4), 381-404. doi: 10.1111/j.1365-2575.2008.00300.x
- Chong, W. K., Shafaghi, M., & Tan, B. L. (2011). Development of a Business-To-Business Critical Success Factors (B2B CSFs) Framework for Chinese SMEs.
- Cragg, P., Caldeira, M., & Ward, J. (2011). Organizational information systems competences in small and medium-sized enterprises. *Information & Management*, 48(8), 353-363. doi: 10.1016/j.im.2011.08.003
- Esichaikul, V., & Chavananon, S. (2001, June 25 - 26). *Electronic Commerce and Electronic Business Implementation Success Factors*. Paper presented at the 14th Bled Electronic Commerce Conference, Slovenia.
- Fillis, I., & Wagner, B. (2005). E-business Development. *International Small Business Journal*, 23(6), 604-634. doi: 10.1177/0266242605057655
- Kassim, E. S., & Hussin, H. (2010, 2-5 June 2010). *User attitude, organizational learning and dynamic capability in government-to-business success*. Paper presented at the Management of Innovation and Technology (ICMIT), 2010 IEEE International Conference on.
- Larsen, K. R. T. (2002). Development of the Information Systems Implementation Research Method. *Proceedings of the 36th Hawaii International Conference on System Sciences (HICSS'03)*.
- Lee, S., & Kim, K.-j. (2007). Factors affecting the implementation success of Internet-based information systems. *Computers in Human Behavior*, 23(4), 1853-1880. doi: 10.1016/j.chb.2005.12.001
- Lina, H.-F., & Lin, S.-M. (2008). Determinants of e-business diffusion: A test of the technology diffusion perspective. [Journal Article]. *Technovation*, 28 135–145.
- Mansor, N., & Abidin, A. F. A. (2010). The Application of E-Commerce Among Malaysian Small Medium Enterprises. [research paper]. *European Journal of Scientific Research*, 41(4), 590-604.

- Marquart, E. J. (2001). Strategic, technical, and organizational success factors of e-business information technology implementation. *Engineering Management: It's About People, Proceedings*(534), 165-172.
- Melville, N., Kraemer, K., & Gurbaxani, V. (2004). Review: information technology and organizational performance: an integrative model of it business value. *MIS Q.*, 28(2), 283-322.
- Neirotti, P., & Paolucci, E. (2011). Assessing the importance of industry in the adoption and assimilation of IT: Evidence from Italian enterprises. *Information & Management*, 48(7), 249-259. doi: 10.1016/j.im.2011.06.004
- Ramasamy, R. (Ed.). (2010). *ICT Strategic Review 2010/2011 - E-commerce for Global Reach*. Kuala Lumpur: The National ICT Association of Malaysia.
- Ramlah, H., Nor Shahriza Abdul, K., & Mohd Hasan, S. (2007). The impact of technological factors on information systems success in the electronic-government context. [DOI: 10.1108/14637150710823110]. *Business Process Management Journal*, 13(5), 613-627.
- Rogers, E. (2003). *Diffusion of Innovations, 5th Edition*: Free Press.
- Tan, K. S., Chong, S. C., Lin, B., & Eze, U. C. (2009). Internet-based ICT adoption: Evidence from Malaysian SMEs. [Research paper]. *Journal of Industrial Management & Data Systems*, 109(2), 224-244. doi: <http://dx.doi.org/10.1108/02635570910930118>
- Tornatzky, L. G., & Fleischer, M. (1990). *The Processes of Technological Innovation*. Lexington, Massachusetts: Lexington Books.
- Xuan, W. (2007). Factors affecting the achievement of success in e-tailing in China's retail industry: a case study of the Shanghai Brilliance Group.
- Xue, X., Shen, Q., Fan, H., Li, H., & Fan, S. (2011). IT supported collaborative work in A/E/C projects: A ten-year review. *Automation in Construction*(0). doi: 10.1016/j.autcon.2011.05.016
- Young, R., & Jordan, E. (2008). Top management support: Mantra or necessity? *International Journal of Project Management*, 26(7), 713-725. doi: 10.1016/j.ijproman.2008.06.001
- Zhu, K., Kraemer, K. L., Xu, S., & Jason, D. (2004). Information Technology Payoff in E-Business Environments: An International Perspective on Value Creation of E-Business in the Financial Services Industry. *Journal of Management Information Systems*, 21(1), 17-54.